

**Anggota Umno Perlu Sentiasa Bersiap Sedia Hadapi Apa Jua Situasi - Ahmad Zahid
Bernama
Mei 14, 2014**

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Anggota Umno, terutama di Terengganu, diingatkan supaya sentiasa bersiap-sedia dalam menghadapi apa jua situasi politik yang melanda parti itu.

Naib Presiden parti Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata ketaatsetiaan ahli-ahli Umno di akar umbi sedang diuji.

"Oleh itu kepentingan parti harus mendahului kepentingan lain-lain," katanya dalam satu kenyataan di sini Rabu bagi mengulas kemelut politik yang tercetus di Terengganu.

Bekas Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said, yang merupakan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Kijal, mengisytiharkan keluar parti dan menjadi Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) bebas pada awal pagi Selasa bersama ADUN Ajil, Ghazali Taib.

"Jangan biarkan elemen kemusnahan oleh musuh dalam dan luar parti menguasai pertimbangan politik kita," katanya.

Ahmad Zahid berkata anggota Umno perlu memastikan kepercayaan kepada pucuk pimpinan hendaklah menjadi tonggak kepada semua lapisan kepimpinan dan ahli-ahli, demi memperkasakan keutuhan parti.

Berikutan tindakan Ahmad Said bersama Ghazali keluar Umno, kedudukan kerusi Barisan Nasional (BN) di 32 kerusi DUN Terengganu kini menjadi 16 kerusi (termasuk kerusi Speaker DUN Terengganu) sementara PAS mempunyai 14 kerusi, Parti Keadilan Rakyat (1) dan dua Bebas.

Sementara itu di KOTA BAHARU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed menasihatkan anggota Umno supaya tidak mendengar khabar angin yang boleh menjejaskan perjuangan parti itu.

Beliau berkata anggota Umno juga perlu setia kepada parti dan terus memperjuangkan kepentingan rakyat demi kekuatan parti.

"Kita perlu lihat kepada keadaan umum yang lebih besar... kita nak perjuangkan agama Islam, bangsa dan negara kita. Ini mengatasi apa-apa jua kepentingan lain termasuk kepentingan peribadi," katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra Blogger dan Pengamal Media Maya di sini, Selasa malam.

Kira-kira 400 orang hadir pada majlis berkenaan yang turut membincangkan isu semasa.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata anggota Umno

juga perlu akur pada pucuk pimpinan parti, Datuk Seri Najib Tun Razak dan tidak mempertikaikan keputusan yang dibuat.

"Kita sebagai pemimpin hendaklah akur. Kesetiaan itu penting dan perlu menjadi amalan kita. Insya-Allah kita akan selamat tetapi kalau kita pertikaikan keputusan yang dibuat oleh pemimpin kita maka keadaan akan tidak stabil..sudah pasti ada hikmah ada sebab tertentu kenapa keputusan di buat," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038068>